

20/02/1998

Lawatan Goh jernihkan hubungan

Kamal Ahmad

AIR sebagai asas kehidupan manusia tentu tidak ternilai harganya. Tanpa air, urusan hidup terhenti. Tetapi bagaimana cara Singapura menghargai komitmen dan membalas semangat kejiranan yang dibuktikan oleh Malaysia yang akan meneruskan bekalan air ke republik itu, walaupun sehingga suatu tempoh yang tidak diketahui lagi keadaannya?

Lawatan Goh Chok Tong ke Kuala Lumpur diikuti pertemuan dengan rakan sejawat, Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 16 dan 17 Februari lalu harus dipahat sebagai satu lagi sejarah manis hubungan Malaysia-Singapura. Tanpa banyak kerenah dan kesulitan, Malaysia sedia meneruskan bekalan air melintasi Tambak Johor ke Kota Singa itu walaupun terdapat dua perjanjian bekalan air yang akan tamat masing-masing pada 2011 dan 2061.

Tetapi kita tidak tahu apakah reaksi dan `tindak balas sebenar dan jujur' daripada Singapura apabila Dr Mahathir menegaskan kepada Goh, Malaysia tidak boleh menentukan syarat perjanjian terbaru kecuali apabila hampir pada tarikh 2061.

Kita tidak tahu apakah bentuk reaksi media tempatan dan media antarabangsa berhubung ketegasan Malaysia enggan mengemukakan syarat lebih awal. Apakah ada pihak di dalam dan di luar Singapura yang akan mempamerkan sikap tidak mengenang budi dan jasa?

"Ya, kita sudah bersetuju untuk merapatkan hubungan. Kita lupakan perkara lama. Kita akan teruskan bekalan air ke Singapura," kata Dr Mahathir selepas mengiringi Goh yang melawat stesen televisyen satelit, Astro, di Serdang pada hari kedua dan terakhir lawatannya di ibu negara, Selasa lalu.

Sebenarnya, banyak kisah lama yang terlalu mengguris hati rakyat dan pemimpin Malaysia yang dicituskan sendiri oleh Singapura. Selain pencerobohan laut dan udara di Johor, Singapura melakukan provokasi dengan menuntut Pulau Batu Putih. Kemudian Lee Kuan Yew menuduh Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi, disusuli dengan mendakwa Johor adalah tempat yang tidak selamat kerana terkenal dengan kejadian tembak-menembak, samun dan merampas kereta.

Atas dasar toleransi, memakmurkan jiran, semangat setiakawan dan perpaduan serantau, Malaysia bagaimanapun sanggup untuk membuka lembaran baru dalam sejarah perhubungan kedua-dua negara. Di sini, rakyat Malaysia mahu memegang janji Goh supaya mengotakan kata-kata `untuk melupakan perkara lama' dan merapatkan semula hubungan yang diisytiharkan oleh kedua-dua pemimpin sebagai `pulihan kepada sedia kala'.

Sejauh mana rakyat dan pemimpin Singapura termasuk Lee supaya tidak mengulangi provokasi dan meletakkan hubungan kedua-dua negara pada tahap kritikal apabila Goh membuat komitmen untuk merapatkan semula selepas hubungan yang pernah tegang akibat kenyataan Lee.

Sebenarnya, ketegangan itu menyebabkan beberapa mesyuarat rutin tidak dapat diadakan dan masalah yang patut dibincang dan ditangani, tergendala. Isu Pulau Batu Putih sudah dipanjangkan kepada Suruhanjaya Juri Antarabangsa (IJC). Begitu juga dengan perjanjian baru bekalan air, kedudukan tanah di landasan milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura, kerjasama pelancongan, kewangan dan perdagangan.

"Mesyuarat ini sangat penting dalam konteks perhubungan dua hala Malaysia-Singapura. Dengan pertemuan ini, hubungan kedua-dua negara kembali pulih sepenuhnya," kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi yang turut menyertai mesyuarat peringkat delegasi ketika Dr Mahathir dan Goh bertemu di JPM, tempoh hari.

Seperti juga makanan, komoditi dan senjata, air adalah satu lagi unsur strategik. Tetapi selama ini, Malaysia tidak pernah mempertaruhkan air dalam usaha memenangi sesuatu isu dengan Singapura. Malaysia sedar, air bukan sesuatu yang akan digunakan untuk mengugut dan mengajar Singapura yang ada ketikanya bermulut lancang.

Kini, pertemuan Dr Mahathir dan Goh lebih 90 minit di JPM berjaya membuka lembaran baru dalam hubungan unik Malaysia-Singapura. Bermula dari titik itu, kedua-dua negara harus melihat kepada pendekatan yang lebih 'mesra dan makmur' atau dikenali sebagai konsep memakmurkan jiran yang selama ini menjadi teras diplomasi Kuala Lumpur.

Sebagai negara yang stabil politik dan ekonominya di rantau ini, kedua-dua negara mempunyai peranan bersama. Ketegangan hubungan bermakna mengundang petaka dan sekali gus memperkukuhkan alasan kuasa besar tertentu bertapak di rantau ini.

Dalam kegawatan yang berlaku pada ekonomi dan kewangan negara Asia, Malaysia dan Singapura dipertaruhkan tanggungjawab untuk sama-sama memikirkan jalan menyelesaikannya. Berikutan kegawatan di Indonesia yang boleh memercikkan kesan kepada jiran, maka seluruh anggota Asean harus bersatu padu untuk merumuskan formula dan strategi bagaimana mereka boleh keluar daripada cengkaman kegawatan sekarang.

Hasil pertemuan di JPM juga, satu kenyataan bertulis bersama kedua-dua kerajaan dihasilkan dan diedarkan untuk siaran sebelum Goh melintasi Tambak Johor.

Kenyataan empat muka surat itu tertumpu kepada enam perkara iaitu kerjasama ekonomi dan kewangan; bekalan air ke Singapura; tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura; isu Pulau Batu Putih/Pedra Branca; kerjasama pelancongan; serta penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura.

Perkara itu adalah antara yang terjejas berikutan ketegangan hubungan Malaysia-Singapura berikutan kenyataan Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor dan menyifatkan negeri itu tidak selamat kerana terkenal dengan kes tembak-menembak, samun dan merampas kereta, awal tahun lalu.

Selain isu berkaitan hubungan diplomatik, usaha memperkukuhkan kerjasama sektor swasta terutama rancangan penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura perlu dipercepatkan. Adalah menarik untuk meneliti saranan supaya diadakan usaha sama pembangunan infrastruktur dan sektor ekonomi lain bagi membolehkan usahawan kedua-dua negara menikmati kemakmuran dan ekonomi jangka panjang pada masa depan.

Jika Singapura insaf bahawa meja rundingan adalah tempat terbaik untuk menyelesaikan masalah, mereka harus berusaha memulihkan kaedah perhubungan yang lebih mudah di peringkat pegawai pelbagai jabatan dan kementerian yang berlainan.

Campur tangan peringkat tertinggi hanya dilakukan jika isu berkaitan terlalu besar dan kekusutan yang ada tidak mampu dileraikan di peringkat pegawai.

Apa yang penting, Singapura harus menghayati makna 'memakmurkan jiran' dan tahu bagaimana cara untuk membalas budi dan jasa rakan.

(END)